

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH

BAYARAN KONTRAK PERKHIDMATAN



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bayaran bagi kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pembersihan bangunan dan senggaraan landskap dilaksanakan dengan teratur mengikut peraturan kewangan dan dokumen kontrak yang berkuat kuasa.




**Nilai
Keseluruhan
Kontrak
RM0.70 Juta**



**Bilangan
Kontrak**

2

APA SEPATUTNYA



- Pembayaran yang dibuat adalah selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.
- Syarikat melaksanakan perkhidmatan mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui dalam dokumen kontrak.



APA YANG BERLAKU

**Pembayaran Penuh Dibuat
Walaupun Perkhidmatan Tidak
Dilaksanakan Dengan Sempurna**

- Perkhidmatan Kawalan Keselamatan – **RM126,492**
- Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Senggaraan Landskap – **RM184,872**



RUMUSAN

Kelemahan kawalan dalaman terhadap pembayaran dan penyediaan dokumen kontrak menyebabkan berlaku pembayaran tidak wajar.

**4 SYOR
AUDIT**

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH

1. BAYARAN KONTRAK PERKHIDMATAN

FAKTA UTAMA

2	RM0.70 juta	RM311,364
Bilangan Kontrak	Nilai Keseluruhan Kontrak	Pembayaran Kontrak Tahun 2021 Melibatkan 22 Arahkan Pembayaran
Perihal Kontrak	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	
	Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Senggaraan Landskap	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pada tahun 2021, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG Negeri Kedah) menguruskan dua kontrak bernilai RM0.70 juta melibatkan perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pembersihan bangunan dan senggaraan landskap.

1.2. PTG Negeri Kedah telah membelanjakan sejumlah RM311,364 untuk membayar perkhidmatan tersebut sepanjang tahun 2021. Butiran terperinci mengenai kontrak yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
DAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN SENGGARAAN LANDSKAP

BIL.	PERIHAL PERKHIDMATAN	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)	BAYARAN BULANAN (RM)	BAYARAN TAHUN 2021 (RM)
1.	Perkhidmatan kawalan keselamatan	1 Jan 2020 – 31 Dis 2021	252,980	10,541	126,492
2.	Perkhidmatan pembersihan bangunan dan senggaraan landskap	1 Mac 2021 – 28 Feb 2023	451,761	18,823	184,872
JUMLAH			704,741	29,364	311,364

Sumber: Daftar Kontrak dan Arahkan Pembayaran

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada bayaran bagi kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pembersihan bangunan dan senggaraan landskap dilaksanakan dengan teratur mengikut peraturan kewangan dan dokumen kontrak yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Kewangan PTG Negeri Kedah terhadap pembayaran kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pembersihan bangunan dan senggaraan landskap bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2021.

3.2. Pengauditan meliputi 22 arahan pembayaran dan dokumen sokongan berjumlah RM311,364 melibatkan dua kontrak yang dibayar dalam tahun 2021.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen kontrak dan rekod berkaitan, menganalisis maklumat yang diperolehi, membuat lawatan fizikal dan menemu bual pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Februari hingga Mei 2022. Maklum balas daripada PTG Negeri Kedah telah diterima pada 29 Jun 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 3 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Pembayaran Penuh Dibuat Bagi Perkhidmatan Yang Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna Berjumlah RM311,364

4.1.1. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3, pembayaran tidak wajar ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak sewajarnya sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Lampiran A pekeliling yang sama menyatakan perkara yang ditafsirkan sebagai pembayaran tidak wajar termasuk apa-apa bayaran yang disahkan yang mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua kali.

4.1.2. Dua penemuan Audit yang melibatkan pembayaran penuh dibuat bagi perkhidmatan yang tidak dilaksanakan dengan sempurna berjumlah RM311,364 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBAYARAN PENUH DIBUAT BAGI
PERKHIDMATAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN SEMPUrna

PERENGKAN	JENIS PERKHIDMATAN	JUMLAH (RM)
a.	Perkhidmatan kawalan keselamatan	126,492
b.	Perkhidmatan pembersihan dan senggaraan landskap	184,872
JUMLAH		311,364

Sumber: Arahan Pembayaran Kontrak Tahun 2021

a. **Pembayaran Penuh Berjumlah RM126,492 Dibuat Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Yang Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna**

- i. Mengikut klausa 6.1 Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, syarikat hendaklah menyediakan seramai empat orang pengawal keselamatan termasuk seorang penyelia. Klausa 7.1(a) pula menetapkan syarikat hendaklah memastikan pengawal keselamatan membuat rondaan, berada dalam dan mengawasi kawasan perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam Jadual A pada setiap masa. Berdasarkan Jadual B, pengawal keselamatan perlu membuat rondaan, tinjauan dan pemerhatian serta membuat *clocking* di lima *point* seperti yang dinyatakan Jadual A. Selain itu, klausa 7.1(c) juga menetapkan bahawa syarikat hendaklah memastikan seseorang pengawal keselamatan tidak dibenarkan menjalankan tugas lebih masa melebihi empat jam daripada tempoh syif (12 jam) yang telah ditetapkan iaitu tidak melebihi 16 jam.
- ii. Semakan Audit mendapati **bayaran penuh berjumlah RM126,492 telah dibuat kepada syarikat keselamatan walaupun perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan sempurna seperti yang ditetapkan dalam dokumen kontrak.** Butiran terperinci mengenai bayaran yang dibuat adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PEMBAYARAN PENUH DIBUAT BAGI PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN SEMPUrna

BIL.	ARAHAN PEMBAYARAN		PERIHAL BAYARAN	AMAUN (RM)
	TARIKH	NOMBOR		
1.	17.03.2021	21FXBB0400168	Perkhidmatan bulan Januari	10,541
2.	17.03.2021	21FXBB0400169	Perkhidmatan bulan Februari	10,541
3.	26.04.2021	21FXBB0400393	Perkhidmatan bulan Mac	10,541
4.	23.05.2021	21FXBB0400456	Perkhidmatan bulan April	10,541
5.	08.07.2021	21FXBB0400629	Perkhidmatan bulan Mei	10,541
6.	16.08.2021	21FXBB0400662	Perkhidmatan bulan Jun	10,541
7.	16.08.2021	21FXBB0400661	Perkhidmatan bulan Julai	10,541
8.	12.09.2021	21FXAB0400763	Perkhidmatan bulan Ogos	10,541
9.	27.10.2021	21FXBB0400897	Perkhidmatan bulan September	10,541
10.	17.11.2021	21FXBB0400986	Perkhidmatan bulan Oktober	10,541
11.	15.12.2021	21FXBB0401127	Perkhidmatan bulan November	10,541
12.	20.12.2021	21FXBB0401129	Perkhidmatan bulan Disember	10,541
JUMLAH				126,492

Sumber: Arahkan Pembayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tahun 2021

- iii. Semakan terhadap dokumen sokongan yang dilampirkan bersama arahan pembayaran bagi perkhidmatan tersebut, pihak Audit mendapati skop perkhidmatan yang tidak dilaksanakan dengan sempurna adalah seperti berikut:

- Berdasarkan semakan terhadap Laporan *Clocking* bagi bulan Januari hingga Disember 2021, pihak Audit mendapati **rondaan dan *clocking* yang dibuat oleh pengawal keselamatan tidak mengikut bilangan *point* dan kekerapan yang ditetapkan**. Jumlah pelanggaran adalah sebanyak 347 hari seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
RONDAAN DAN *CLOCKING* TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT DOKUMEN KONTRAK

BIL.	BULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN <i>CLOCKING</i> YANG SEPATUTNYA DIBUAT DALAM SEBULAN	BILANGAN <i>CLOCKING</i> YANG TELAH DIBUAT DALAM SEBULAN	BILANGAN HARI SYARIKAT TIDAK MEMATUHI BILANGAN <i>CLOCKING</i>
1.	Januari	1,860	985	31
2.	Februari	1,680	915	28
3.	Mac	1,860	963	31
4.	April	1,800	932	30
5.	Mei	1,860	1,204	31
6.	Jun	1,800	1,409	30
7.	Julai	1,860	1,123	31
8.	Ogos	1,860	951	31
9.	September	1,800	908	30
10.	Oktober	1,860	1,113	27
11.	November	1,800	1,147	25
12.	Disember	1,860	1,200	22
JUMLAH PELANGGARAN				347

Sumber: Laporan *Clocking* Pengawal Keselamatan Tahun 2021

- Berdasarkan semakan terhadap sampel Laporan Kad Perakam Waktu dan Jadual Kedatangan Pengawal Keselamatan, pihak Audit mendapati **dalam tempoh seminggu sekurang-kurangnya sekali bagi setiap seorang pengawal keselamatan bertugas melebihi 16 jam iaitu antara 18 hingga 50 jam**. Perkara ini berlaku kerana pengawal keselamatan yang bercuti rehat/kecemasan akan diganti oleh pengawal keselamatan yang bertugas pada hari yang sama. Ringkasan kekerapan pengawal keselamatan bertugas melebihi masa adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
RINGKASAN KEKERAPAN PENGAWAL KESELAMATAN
BERTUGAS MELEBIHI MASA YANG DITETAPKAN

BULAN PERKHIDMATAN	TEMPOH BERTUGAS MELEBIHI 16 JAM (JAM)	BILANGAN KEKERAPAN (KALI)
Januari	24	20
Mac	24	20
Mei	24	19
Julai	24	21
Oktober	24	17
	30	1
	36	3
	48	2
Disember	18	1
	24	15
	29	1
	30	1
	36	1
	48	4
	50	2
JUMLAH PELANGGARAN		128

Sumber: Laporan Kad Perakam Waktu Pengawal Keselamatan Tahun 2021

- iv. Perkara ini berlaku disebabkan terdapat kelemahan dalam penyediaan dokumen kontrak oleh PTG Negeri Kedah. Kadar denda terhadap pelanggaran terma dan syarat kontrak yang telah dipersetujui dalam Surat Setuju Terima (SST) tidak dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak dan tiada semakan oleh pegawai yang bertanggungjawab sebelum dokumen kontrak ditandatangani. Kesannya, berlaku pembayaran tidak wajar kerana PTG Negeri Kedah tidak dapat mengenakan denda kepada syarikat keselamatan di atas ketidaksempurnaan perkhidmatan yang diberikan. Pengiraan Audit berdasarkan kadar denda yang dinyatakan dalam SST, jumlah denda yang boleh dikenakan bagi kedua-dua pelanggaran tersebut ialah berjumlah RM35,980.

Maklum Balas PTG Negeri Kedah pada 29 Jun dan 2 November 2022

PTG Negeri Kedah akur dengan teguran ini dan akan memastikan perjanjian perkhidmatan kawalan keselamatan seterusnya disemak oleh Pegawai Undang-Undang PTG Negeri Kedah terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan. Penelitian berkaitan terma-terma yang terkandung dalam SST adalah selaras dengan kontrak yang akan dibuat.

Selain itu, sebagai langkah penambahbaikan PTG Negeri Kedah telah melantik Panel Verifikasi Kontrak Perkhidmatan yang berperanan meneliti dan mengesahkan dokumen pembayaran yang dihantar oleh pembekal perkhidmatan pada setiap tuntutan bulanan sebelum dibuat pembayaran.

Pernyataan Audit | Kelemahan dalam penyediaan dokumen kontrak telah menyebabkan denda tidak dapat dikenakan bagi perkhidmatan yang tidak dilaksanakan dengan sempurna.

b. Pembayaran Penuh Berjumlah RM184,872 dibuat Bagi Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Senggaraan Landskap

- i. Klausula 6.1(a) Perjanjian Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Senggaraan Landskap menetapkan bahawa kontraktor hendaklah melaksanakan perkhidmatan tersebut di premis menurut spesifikasi dan skop kerja yang ditentukan dalam Jadual A serta mematuhi masa perkhidmatan. Klausula 8.2(ii) pula menetapkan Kerajaan boleh mengenakan sejumlah penalti yang akan ditentukan kemudian atas sebab kontraktor tidak melaksanakan tanggungjawab mengikut mana-mana had atau syarat dalam kontrak.
- ii. Semakan Audit mendapati **bayaran penuh berjumlah RM184,872 telah dibuat kepada kontraktor walaupun perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan sempurna** kecuali bagi bayaran perkhidmatan bulan Julai. PTG Negeri Kedah hanya membuat pemotongan pada bulan Julai bagi ketidakhadiran pekerja pembersihan berjumlah RM3,358. Berdasarkan semakan terhadap Jadual Kerja-Kerja Pembersihan mendapati perkhidmatan tidak dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan. Butiran terperinci mengenai bayaran dan skop perkhidmatan yang tidak disempurnakan oleh kontraktor adalah seperti dalam Jadual 6.

JADUAL 6
PEMBAYARAN PENUH DIBUAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN SENGGAARAAN LANDSKAP YANG TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA

BIL.	TARIKH/ NOMBOR ARAHAN PEMBAYARAN	BULAN PERKHIDMATAN	AMAUN (RM)	SKOP PERKHIDMATAN	PELAKSANAAN	
					SEPATUTNYA	SEBENAR
1.	09.05.2021 21FXBB0400429	April	18,823	Menyapu dan memvakum karpit di ruangan berkarpet	Setiap hari	4 hari sebulan
2.	09.05.2021 21FXBB0400430	Mac	18,823	Menyapu dan memvakum karpit di ruangan berkarpet	Setiap hari	5 hari sebulan
3.	08.07.2021 21FXBB0400627	Mei	18,823	Menyapu dan memvakum karpit di ruangan berkarpet	Setiap hari	10 hari sebulan

BIL.	TARIKH/ NOMBOR ARAHAN PEMBAYARAN	BULAN PERKHIDMATAN	AMAUN (RM)	SKOP PERKHIDMATAN	PELAKSANAAN	
					SEPATUTNYA	SEBENAR
4.	16.08.2021 21FXBB0400663	Jun	18,823	Menyiram pokok-pokok	Setiap hari	9 hari sebulan
				Menyapu dan memvakum karpet di ruangan berkarpet	Setiap hari	5 hari sebulan
5.	23.11.2021 21FXBB0401015	September	18,823	Menyapu dan memvakum karpet di ruangan berkarpet	Setiap hari	4 hari sebulan
				Menyapu dan membersihkan longkang-longkang dan memastikan aliran air berjalan lancar	Setiap hari	11 hari sebulan
				Menyiram pokok-pokok	Setiap hari	5 hari sebulan
6.	23.11.2021 21FXBB0401016	Ogos	18,823	Menyiram pokok-pokok	Setiap hari	4 hari sebulan
7.	24.11.2021 21FXBB0401035	Oktober	18,823	Menyapu dan memvakum karpet di ruangan berkarpet	Setiap hari	5 hari sebulan
				Menyapu dan membersihkan Longkang-longkang dan memastikan aliran air berjalan lancar	Setiap hari	13 hari sebulan
				Menyiram pokok-pokok	Setiap hari	3 hari sebulan
8.	09.12.2021 21FXBB0401075	November	18,823	Menyapu dan memvakum karpet di ruangan berkarpet	Setiap hari	5 hari sebulan
				Menyapu dan membersihkan longkang-longkang dan memastikan aliran air berjalan lancar	Setiap hari	13 hari sebulan
				Menyiram pokok-pokok	Setiap hari	4 hari sebulan
9.	20.12.2021 21FXBB0401128	Disember	18,823	Menyapu dan memvakum karpet di ruangan berkarpet	Setiap hari	4 hari sebulan
				Menyapu dan membersihkan longkang-longkang dan memastikan aliran air berjalan lancar	Setiap hari	11 hari sebulan
10.	26.12.2021 21FXBB0401211	Julai	15,465	Menyapu dan membersihkan longkang-longkang dan memastikan aliran air berjalan lancar	Setiap hari	13 hari sebulan
				Menyiram pokok-pokok	Setiap hari	13 hari sebulan
JUMLAH			184,872			

Sumber: Arahan Pembayaran Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Senggaraan Landskap Tahun 2021

- iii. Perkara ini berlaku kerana kadar denda terhadap kegagalan kontraktor melaksanakan perkhidmatan yang ditetapkan tidak dinyatakan dengan jelas semasa penyediaan dokumen kontrak. Kesannya, berlaku pembayaran tidak wajar kerana PTG Negeri Kedah tidak dapat mengenakan denda disebabkan kadar denda yang sepatutnya tidak dapat ditentukan.

Maklum Balas PTG Negeri Kedah pada 29 Jun dan 2 November 2022

PTG Negeri Kedah akur dengan teguran Audit dan akan memastikan dokumen kontrak disediakan dengan lebih teliti dan lengkap pada masa akan datang.

PTG Negeri Kedah dalam proses perbincangan bersama pihak kontraktor bagi meminda terma perjanjian dengan memasukkan perkara berkaitan kadar denda terhadap kegagalan kontraktor mematuhi spesifikasi skop perkhidmatan. PTG Negeri Kedah juga telah melantik Panel Verifikasi Kontrak Perkhidmatan yang berperanan meneliti dan mengesahkan dokumen pembayaran yang dihantar oleh pembekal perkhidmatan pada setiap tuntutan bulanan sebelum dibuat pembayaran.

Selain itu, PTG Negeri Kedah akan mendapatkan pandangan daripada Jabatan Kerja Raya terlebih dahulu berkaitan penyediaan skop perkhidmatan bagi tujuan penyediaan kontrak pembersihan yang baharu.

Pernyataan Audit	Tiada ketetapan kadar denda yang jelas dalam dokumen kontrak menyebabkan denda tidak dapat dikenakan bagi perkhidmatan yang tidak dilaksanakan dengan sempurna oleh kontraktor.
-------------------------	---

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, wujud kelemahan kawalan dalaman terhadap pembayaran kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pembersihan bangunan dan senggaraan landskap di PTG Negeri Kedah. Selain itu, kelemahan dalam penyediaan dokumen kontrak yang menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terpelihara dan berlaku pembayaran tidak wajar yang memberi kerugian kepada Kerajaan negeri.

6. SYOR AUDIT

PTG Negeri Kedah hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- 6.1. memastikan pegawai yang bertanggungjawab memperaku dan mengesahkan bayaran menyemak dengan teliti dokumen sokongan mengikut peraturan kewangan dan tatacara yang ditetapkan;

- 6.2. memastikan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui dalam dokumen kontrak;
- 6.3. memastikan bahawa terma dan syarat kontrak yang telah dipersetujui dalam SST antara Kerajaan dan syarikat hendaklah dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak; dan
- 6.4. dokumen kontrak hendaklah disemak dengan teliti supaya tidak berlaku sebarang kesilapan atau percanggahan bagi memastikan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik serta syarikat yang dilantik dapat memenuhi semua obligasi kontrak yang ditandatangani.